JABATAN KETUA MENTERI
CHIEF MINISTER DEPARTMENT
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.

Telefon : +6088-369 900
: +6088-369 901
Faksmile : +6088-211 016
Laman Web : skn.sabah.gov.my

Rujukan : JKM. 100-4/62
Tarikh : 08 September 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian;
Semua Ketua Jabatan Negeri;
Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah Kecil;
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan; dan
Semua Ketua Pihak Badan Berkanun Negeri.

Yang Berbahagia Dato' Sri/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN INSIDEN KESELAMATAN SIBER

Perkara di atas dirujuk. Arahan No. 1 Tahun 2024 – Pemberitahuan Insiden dan Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pemberitahuan Insiden Keselamatan Siber) 2024 [P.U. (A) 220/2024] adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan Akta Keselamatan Siber 2024 [Akta 854] yang mula berkuat kuasa pada 26 Ogos 2024, sebarang insiden keselamatan siber hendaklah dilaporkan kepada Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA). Proses pelaporan boleh merujuk kepada surat pekeliling Pengurusan dan Pengendalian Keselamatan Siber Sektor Awam rujukan JKM. 100-4/62 bertarikh 19 Jun 2025 dan Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2022 – Pengurusan dan Pengendalian Keselamatan Siber Sektor Awam.

3. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri telah melantik dua (2) pegawai pelapor, semua pelaporan insiden keselamatan siber boleh dikemukakan melalui e-mel kepada keselamatan.jpkn@sabah.gov.my

4. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai arahan ini boleh dikemukakan kepada:

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Aras 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU
Tel: 088-368900, E-mel: jpkn@sabah.gov.my

Sekian,

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.)
Setiausaha Kerajaan Negeri

AGENSI KESELAMATAN SIBER NEGARA (NACSA)

ARAHAN NO. 1 TAHUN 2024

PEMBERITAHUAN INSIDEN KESELAMATAN SIBER

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 13 Akta Keselamatan Siber 2024 [Akta 854], Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) membuat arahan seperti yang berikut:

TUJUAN

1. Arahan ini bertujuan untuk—

   1.1. menetapkan prosedur bagi pengemukaan butir-butir berkenaan dengan insiden keselamatan siber oleh orang yang diberi kuasa bagi sesuatu entiti infrastruktur maklumat kritikal negara di bawah Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pemberitahuan Insiden Keselamatan Siber) 2024 [*P.U. (A) 220/2024*] yang disebut "Peraturan-Peraturan" dalam Arahan ini;

   1.2. menetapkan cara elektronik bagi pemberitahuan insiden keselamatan siber sebagaimana yang dinyatakan di subperaturan 2(1) Peraturan-Peraturan;

   1.3. menetapkan prosedur berhubung kemas kini lanjut mengenai insiden keselamatan siber yang dikehendaki oleh Ketua

Eksekutif NACSA yang dinyatakan di subperaturan 2(4) Peraturan-Peraturan;

1.4. menetapkan kaedah komunikasi sekiranya berlaku gangguan pada Sistem Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara yang dinyatakan di peraturan 3 Peraturan-Peraturan; dan

1.5. menetapkan hal keadaan yang terjumlah sebagai "gangguan" (disruption) pada Sistem Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara.

LATAR BELAKANG

2. Akta Keselamatan Siber 2024 [Akta 854] telah diluluskan oleh Parlimen pada 3 April 2024 dan telah mendapat perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim pada 18 Jun 2024. Akta 854 kemudiannya telah disiarkan dalam *Warta* pada 26 Jun 2024.

3. Selaras dengan subseksyen 1(2) Akta Keselamatan Siber 2024 [Akta 854], YAB Perdana Menteri selaku Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan siber, telah menetapkan 26 Ogos 2024 sebagai tarikh Akta 854 mula berkuat kuasa.

4. YAB Perdana Menteri juga telah menetapkan 26 Ogos 2024 sebagai tarikh kuat kuasa bagi peraturan-peraturan yang dibuat dibawah Akta 854 seperti yang berikut:

4.1 Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Tempoh bagi Penilaian Risiko Keselamatan Siber dan Audit) 2024 [*P.U. (A) 219/2024*];

4.2 Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pemberitahuan Insiden Keselamatan Siber) 2024 [*P.U. (A) 220/2024*];

4.3 Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pelesenan Pemberi Perkhidmatan Keselamatan Siber) 2024 [*P.U. (A) 221/2024*]; dan

4.4 Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pengkompaunan Kesalahan) 2024 [*P.U. (A) 222/2024*].

5. Peraturan-Peraturan di atas telah disiarkan dalam *Warta* pada 22 Ogos 2024.

PROSEDUR BERHUBUNG PENGEMUKAAN BUTIR-BUTIR OLEH ORANG YANG DIBERI KUASA

6. Pemberitahuan di bawah peraturan 2 Peraturan-Peraturan hendaklah dibuat oleh orang yang diberi kuasa bagi entiti infrastruktur maklumat kritikal negara yang dibenarkan oleh Ketua Eksekutif NACSA di bawah subseksyen 11(3) Akta untuk mempunyai akses kepada Sistem Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara di pautan https://www.nc4.gov.my

7. Bagi tujuan pemberitahuan insiden keselamatan siber, setiap entiti infrastruktur maklumat kritikal negara hendaklah mengemukakan butiran tiga (3) orang yang diberi kuasa seperti berikut: -

7.1 Satu (1) orang di peringkat pengurusan yang menjalankan fungsi berhubung keselamatan siber termasuk penetapan dasar dan strategi keselamatan siber, penilaian dan pengurusan risiko, menyelaras langkah-langkah perlindungan dan mengesan ancaman keselamatan siber, bertindak balas terhadap atau pulih daripada insiden keselamatan siber dan mencegah insiden keselamatan siber daripada berlaku; dan

7.2 Dua (2) orang di peringkat kerja yang menjalankan fungsi tindak balas insiden keselamatan siber.

8. Semua entiti infrastruktur maklumat kritikal negara hendaklah mengemukakan kepada Ketua Eksekutif NACSA butir-butir mengenai orang yang diberi kuasa —

8.1 dengan mengisi borang seperti di **LAMPIRAN 1**;

8.2 melalui e-mel ke alamat elektronik : ncii@nc4.gov.my

8.3 dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh penetapan sebagai entiti infrastruktur maklumat kritikal negara; dan

8.4 dalam tempoh tujuh (7) hari jika terdapat perubahan berhubung dengan orang yang diberi kuasa itu.

PEMBERITAHUAN DENGAN SEGERA MELALUI CARA ELEKTRONIK

9. Pemberitahuan dengan segera, melalui cara elektronik, mengenai suatu insiden keselamatan siber yang telah atau mungkin telah berlaku di bawah subperaturan 2(1) Peraturan-Peraturan hendaklah dibuat melalui e-mel ke alamat elektronik: cert@nc4.gov.my

KEMAS KINI LANJUT YANG BERHUBUNGAN DENGAN INSIDEN KESELAMATAN SIBER

10. Entiti infrastruktur maklumat kritikal negara hendaklah menyediakan, dari semasa ke semasa, kemas kini lanjut mengenai insiden keselamatan siber yang dikehendaki oleh Ketua Eksekutif NACSA dengan cara yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 3.

KAEDAH KOMUNIKASI SEKIRANYA BERLAKU GANGGUAN (DISRUPTION) PADA SISTEM PUSAT PENYELARASAN DAN KAWALAN SIBER NEGARA

11. Jika sekiranya berlaku gangguan yang menyebabkan pengemukaan maklumat di bawah subperaturan 2(2) atau subperaturan 2(3) Peraturan-Peraturan tidak boleh dibuat melalui Sistem Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara, entiti infrastruktur maklumat kritikal negara itu hendaklah mengemukakan butir-butir yang dikehendaki tersebut dengan cara—

11.1 membuat panggilan ke nombor telefon iaitu 03-8064 4853 atau 03-8064 4854; atau

11.2 menghantar butir-butir itu melalui e-mel ke alamat elektronik: cert@nc4.gov.my

12. Gangguan yang dimaksudkan di perenggan 11 di atas adalah seperti penyenggaraan ke atas Sistem Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara, gangguan bekalan elektrik, masalah teknikal kepada infrastruktur, bencana atau apa-apa perkara yang menyebabkan Sistem Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara tidak dapat diakses.

13. Sebarang hebahan berhubung gangguan terhadap Sistem Pusat Penyelarasan dan Kawalan Siber Negara akan dibuat melalui portal rasmi NACSA di pautan https://www.nacsa.gov.my atau media sosial rasmi NACSA.

PEMAKAIAN ARAHAN

14. Arahan ini hendaklah terpakai kepada semua entiti infrastruktur maklumat kritikal negara.

15. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Arahan ini dengan mana-mana arahan atau peraturan tetap operasi yang dikeluarkan oleh mana-mana kementerian, jabatan, agensi/organisasi kerajaan atau ketua sektor infrastruktur maklumat kritikal negara berhubung dengan pemberitahuan insiden keselamatan siber, Arahan ini hendaklah mengatasi peraturan atau arahan tetap operasi tersebut.

KUAT KUASA ARAHAN

16. Arahan ini berkuat kuasa pada 26 Ogos 2024.

(IR. DR. MEGAT ZUHAIRY BIN MEGAT TAJUDDIN)

Ketua Eksekutif

Agensi Keselamatan Siber Negara

Majlis Keselamatan Negara

Jabatan Perdana Menteri

BORANG PENDAFTARAN ORANG YANG DIBERI KUASA
SISTEM PUSAT PENYELARASAN DAN KAWALAN SIBER NEGARA

A. BUTIR-BUTIR ENTITI INFRASTRUKTUR MAKLUMAT KRITIKAL NEGARA		
1.	Nama Entiti	
2.	Nama Ketua Sektor	
3.	Alamat Pejabat Entiti	

B. BUTIR-BUTIR ORANG YANG DIBERI KUASA PERINGKAT PENGURUSAN		
1.	Nama	
2.	No. MyKad	
3.	Jawatan	
4.	Alamat Pejabat	
5.	No. Telefon (P)	
6.	No. Telefon Bimbit	
7.	No. Faks	
8.	Emel* (Sila gunakan emel rasmi agensi)	
9.	Pegawai Perhubungan Utama (Primary Contact)?	YA/TIDAK

C. BUTIR-BUTIR ORANG YANG DIBERI KUASA PERINGKAT KERJA			
		ORANG YANG DIBERI KUASA (1)	ORANG YANG DIBERI KUASA (2)
1.	Nama		
2.	No. MyKad		
3.	Jawatan		
4.	Alamat Pejabat		
5.	No. Telefon (P)		
6.	No. Telefon Bimbit		
7.	No. Faks		
8.	Emel* (Sila gunakan emel rasmi agensi)		
9.	Pegawai Perhubungan Utama (Primary Contact)?	YA/TIDAK	YA/TIDAK